



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

**PERASMIAN PELANCARAN PROGRAM KEMPEN PENGUMPULAN
BUANGAN BARANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE)
PERINGKAT NEGERI PERAK**

TAHUN 2021

PERASMIAN PELANCARAN PROGRAM KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN BARANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) PERINGKAT NEGERI PERAK

TAHUN 2021

IPOH, 24 MAC 2021 - Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak ingin memaklumkan berkenaan Program Kempen Pengumpulan Buangan Barangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Peringkat Negeri Perak yang disempurnakan majlis perasmian pelancarannya oleh YAB Dato Menteri Besar Perak pada 24 Mac 2021.

Majlis Perasmian Pelancaran ini diadakan dengan matlamat mencetuskan kesedaran dikalangan masyarakat awam di Negeri Perak terhadap peripentingnya bahaya dari buangan e-waste dan seterusnya meningkatkan kesedaran awam dalam menjaga alam sekitar. Majlis sebegini juga ianya diharapkan dapat mewujudkan satu jalinan kerjasama di antara agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak yang berkepentingan dalam usaha-usaha pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di Negeri Perak dan seterusnya menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar selaras dengan dasar kerajaan negeri dengan tema “**PERAK BUMI LESTARI**”.

Buangan e-waste adalah berupa buangan peralatan elektrik dan elektronik yang telah rosak dan ianya disenaraikan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 sebagai salah satu buangan berbahaya. Pengendalian buangan e-waste ini dikawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar melalui sistem pelesenan terhadap premis yang bertanggungjawab terhadap kaedah pelupusannya. Pelupusan buangan ini hendaklah dikawal kerana e-waste

mempunyai ciri-ciri toksik dan kandungan logam berat yang boleh mendatangkan ancaman kepada alam sekitar dan memudaratkan kesihatan manusia.

Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 oleh Jabatan Alam Sekitar pada masa ini lebih tertumpu kepada premis-premis perindustrian atau komersil. Walaubagaimanapun, pengurusan buangan E-Waste dari isi rumah (household e-waste) yang terdiri dari televisyen, mesin basuh, peti sejuk, penghawa dingin, komputer peribadi, telefon bimbit dan sebagainya memerlukan mekanisma serta sistem kutipan buangan yang berkesan dan praktikal.

Program Kempen Pengumpulan E-Waste ini adalah sebuah program yang dicetuskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi pengurusan buangan E-Waste isi rumah (household e-waste) yang akan dilaksanakan dengan lebih sistematik. Buangan E-waste isi rumah akan dihantar hanya ke premis yang ditetapkan iaitu premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk tujuan pemerolehan kembali dan pelupusan yang lebih terkawal dan mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Pada tahun 2020, melalui program kempen ini, sebanyak 44.3 tan buangan E-Waste isi rumah telah berjaya dikutip dan dikumpulkan bagi Negeri Perak yang merupakan antara negeri tertinggi bagi program kempen pengumpulan E-Waste tersebut.

Pada tahun ini, Program Kempen Pengumpulan E-Waste Isi Rumah ini akan terus dipergiatkan lagi dengan penglibatan yang lebih menyeluruh dari setiap anggota masyarakat. Sehubungan dengan itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mempergiatkan lagi pelaksanaan Program Kempen Pengumpulan E-Waste di Daerah masing-masing dalam Negeri

Perak. Dengan jalinan kerjasama yang diwujudkan ini, di antara JAS Negeri Perak dengan PBT setiap Daerah di Negeri Perak pelaksanaan sistem pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (E-Waste) Isi Rumah di dalam negeri Perak dapat dijalankan lebih tersusun dan berkesan lagi. Kesemua buangan e-waste yang berjaya dikumpulkan di semua pusat pengumpulan daerah ini akan dikutip dan diuruskan oleh syarikat yang telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak untuk dikitar semula dan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS.

Diharapkan, majlis perasmian pelancaran program kempen pengumpulan E-Waste peringkat Negeri Perak yang diadakan pada hari ini menjadi penggerak dan pemangkin ke arah pelaksanaan program kempen ini di daerah PBT di Negeri Perak selepas ini dan seterusnya mempertingkatkan keberkesanan kutipan dan pengumpulan buangan terjadual tersebut di kalangan orang awam.

Selain daripada itu, melalui usaha sebegini juga ianya diharapkan dapat mewujudkan satu jalinan kerjasama di antara agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak yang berkepentingan “Stakeholder” dalam usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Negeri Perak dan seterusnya menerapkan nilai-nilai murni seperti yang dituntut oleh Islam dalam Pembangunan Fizikal secara lestari.

Orang ramai diseru supaya memberikan kerjasama kepada Jabatan Alam Sekitar Perak dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha mempertingkatkan pengurusan buangan e-waste dengan menghantar buangan-buangan e-waste dari rumah ke pusat-pusat pengumpulan ini secara sukarela dan tidak membuang buangan yang dikawal ini ke persekitaran atau melalui tong-tong sampah domestik yang sediaada. Ini

kerana buangan e-waste adalah berupa buangan yang bertoksik dan berpotensi mengancam kesihatan kita dan merosakkan alam sekitar.

Orang ramai juga adalah dialu-alukan untuk menjadi mata dan telinga JAS dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

-TAMAT-